

**SOALAN LAZIM BERKENAAN PROGRAM 'GLOBAL ONLINE WORKFORCE' (GLOW) DIBAWAH
PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)**

KETERANGAN

- **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**, sebuah agensi di bawah **Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM)** telah melaksanakan Program eRezeki dan Program Global Online Workforce (GLOW) yang memanfaatkan model Ekonomi Perkongsian (*Sharing Economy*) atau turut dirujuk sebagai Ekonomi Gig (*Gig Economy*) sejak tahun 2015.
- Di bawah Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA), pihak MDEC telah melaksanakan program khas GLOW PENJANA bermula September 2020 sehingga Mac 2021 di mana seramai 10,200 orang telah dilatih dan telah mula menjana pendapatan dengan bekerja sebagai '*digital freelancer*'. Program eRezeki pula yang dilaksanakan dengan kerjasama platform-platform Ekonomi Gig dalam negara, telah membantu 336,387 individu dari isi rumah B40 dan M40 untuk menjana pendapatan tambahan sejak tahun 2015.
- Di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), Program khas GLOW PEMULIH akan dilaksanakan untuk membantu pekerja yang terjejas akibat pandemik COVID-19 termasuk mereka yang diberhentikan kerja, dipotong gaji melebihi 50% dan graduan menganggur. Seramai 4,000 individu telah disasarkan untuk menerima manfaat menerusi inisiatif ini.
- Selain itu, seramai 20,000 individu dari isi rumah B40 dan M40 akan turut dilatih menerusi program sediaada iaitu eRezeki, dengan kerjasama platform-platform Ekonomi Gig yang dikenalpasti oleh MDEC untuk memperoleh peluang melaksanakan pelbagai tugas dan seterusnya menjana pendapatan tambahan.

SOALAN LAZIM : GLOW PEMULIH

1. Apakah objektif pelaksanaan Program GLOW PEMULIH dan bila tarikh dikuatkuasakan?

- Program ini bertujuan untuk membantu golongan pekerja yang diberhentikan kerja, dipotong gaji melebihi 50% dan graduan menganggur yang terkesan berikutan pandemik COVID-19.
- Program GLOW PEMULIH mensasarkan para peserta untuk berjaya menjadi seorang '*digital freelancer*' sepenuh masa yang akan melaksanakan tugas-tugas kerja dari pasaran global sebagai sumber pendapatan utama / primer mereka.
- Tarikh kuatkuasa dan pelaksanaan Program GLOW PEMULIH adalah bermula September 2021, dan tertakluk kepada perubahan atau pindaan oleh pihak Kerajaan Malaysia.

2. Apakah syarat kelayakan untuk menyertai Program GLOW PEMULIH?

- Individu daripada kumpulan atau kategori berikut yang terkesan berikutan pandemik COVID-19 adalah layak untuk menyertai Program GLOW PEMULIH:
 - I. Pekerja yang diberhentikan kerja atau kehilangan pekerjaan;
 - II. Pekerja yang mengalami pemotongan gaji melebihi 50% oleh majikan; dan
 - III. Graduan yang baru menamatkan pengajian (tidak melebihi 12 bulan dari tarikh graduasi), masih menganggur atau belum memperoleh sebarang pekerjaan tetap.
- Peserta boleh memberi komitmen untuk mengikuti sesi latihan intensif dan bimbingan selama 6 bulan dan perlu menandatangani Borang AkuJanji dengan pihak MDEC.
- Keutamaan akan cuba diberikan kepada pekerja-pekerja daripada sektor ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19, dan dikenalpasti berpotensi untuk mendapat manfaat daripada model program ini seperti berikut:
 - I. Pekerja-pekerja dari sektor pelancongan dan hospitaliti. (*Tourism, Travel & Hospitality*)

- II. Pekerja-pekerja dari sektor pendidikan, media dan kreatif. (*Education, Media and Creative*)
 - III. Bagi graduan menganggur, graduan dari bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan, Kewangan, Linguistik dan Hospitaliti adalah digalakkan untuk memohon.
3. Apakah persediaan atau keperluan lain yang perlu dimiliki oleh individu yang ingin menyertai Program GLOW PEMULIH?
- Individu yang berminat perlu mempunyai kemahiran asas ICT, mempunyai akaun emel dan mahir dalam mengendalikan perisian produktiviti / pejabat seperti 'spreadsheet', 'word processor', 'web browser' dan aplikasi-aplikasi tertentu yang biasa digunakan untuk melaksanakan tugas.
 - Mempunyai kemahiran untuk berinteraksi dengan baik (bertutur dan menulis) dalam Bahasa Inggeris. Peserta yang mempunyai kemahiran dalam bahasa-bahasa lain adalah turut digalakkan untuk menyertai.
 - Individu yang berminat mestilah mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat Diploma atau mempunyai satu kemahiran professional yang khusus yang boleh ditawarkan (perlu disertakan dengan portfolio).
 - Individu yang berminat perlu mempunyai komitmen yang tinggi dan bersedia untuk mengubah sikap dan corak pemikiran untuk menerima pendekatan baru dalam pekerjaan.
 - Individu yang berminat perlu bersedia untuk bekerja dalam secara atas talian, menambahbaik pengurusan masa dan bersedia untuk melaksanakan tugas atau bekerja di luar waktu kebiasaan.
4. Bagaimanakah proses pendaftaran Program GLOW PEMULIH?
- Individu yang berminat untuk menyertai Program GLOW PEMULIH dan memenuhi syarat kelayakan minimum perlu mendaftar secara atas talian (*online*) bermula September 2021. Pengumuman pembukaan pendaftaran program ini akan dimaklumkan melalui semua laman web rasmi MDEC dan KKMM.
 - Calon-calon yang berdaftar juga perlu menjalani ujian penilaian ringkas dan akan disaring terlebih dahulu oleh pihak urusetia dan hanya peserta yang layak akan diterima masuk ke dalam Program Khas GLOW PEMULIH.
 - Urusetia program akan menghubungi calon yang berjaya melalui emel/telefon untuk menetapkan tarikh latihan (yang akan diadakan atas talian) yang

bersesuaian dan peserta yang terpilih juga perlu bersetuju dan menandatangani Borang AkuJanji Program dengan pihak MDEC.

5. Berapakah had umur untuk mengikuti Program GLOW PEMULIH ini?

- Peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan tidak melebihi had umur 60 tahun untuk menyertai Program GLOW PEMULIH.

6. Adakah sebarang yuran akan dikenakan untuk menyertai Program GLOW PEMULIH?

- Tiada sebarang yuran akan dikenakan ke atas peserta untuk menyertai program ini.

7. Berapa lamakah tempoh latihan Program GLOW PEMULIH dan berapa lamakah saya perlu mengikuti latihan sebelum berjaya mendapat pendapatan?

- Secara keseluruhan, peserta Program GLOW PEMULIH ini akan mengikuti sesi latihan dan bimbingan secara intensif yang berterusan selama tempoh enam bulan. Sesi latihan dan bimbingan ini akan diadakan secara atas talian dan peserta akan dipecahkan ke dalam kumpulan-kumpulan kecil mengikut profil dan akan dipantau oleh pelatih yang merupakan '*digital freelancer*' yang berpengalaman.
- Peserta-peserta GLOW PEMULIH perlu memberikan komitmen yang tinggi bagi membantu menyiapkan diri mereka dengan kerjaya sebagai '*digital freelancer*' sepenuh masa yang mungkin melibatkan bekerja di luar waktu biasa (bagi tujuan berkomunikasi dan bekerja dengan klien dan majikan potensi dari luar negara).
- Program GLOW PEMULIH mensasarkan peserta untuk mula berjaya mendapat peluang pekerjaan dan menjana pendapatan atas talian semasa dalam tempoh latihan, iaitu yang paling singkat selepas sebulan menyertai program latihan dan bimbingan secara intensif.
- Perincian program, sesi latihan dan bimbingan secara intensif selama enam bulan akan dimaklumkan oleh pihak MDEC kepada peserta-peserta yang berjaya terpilih.

8. Berapakah anggaran pendapatan bulanan yang boleh diperolehi?

- Pendapatan yang boleh diperolehi bergantung kepada pelbagai faktor dan kategori perkhidmatan yang disediakan. Rujuk jadual di bawah untuk

mendapat gambaran potensi pendapatan bagi beberapa kategori tugas yang berbeza.

Kategori Tugas / Perkhidmatan	Anggaran Pendapatan (bulanan)
<ul style="list-style-type: none">Virtual AssistantOnline ResearcherAdmin, Customer Service	RM 1,500 – 5,000
<ul style="list-style-type: none">Computer ProgrammerProposal WriterContent, Blog WriterBusiness AnalystSales and MarketingProject Management	RM 3,500 – 9,000
<ul style="list-style-type: none">Translator, Copywriter, TranscriberCreative Designers – Logo Design, Infographics Design, Vector GraphicsStock photo photographers, Video Creation	RM 2,000 – 6,000

9. Kenapa saya perlu mendaftarkan diri untuk menyertai Program GLOW PEMULIH?
- Pandemik Covid-19 telah menjejaskan hampir kesemua sektor ekonomi dalam negara dan pemulihan ekonomi juga akan mengambil masa. Bagaimanapun, terdapat peluang-peluang untuk bekerja dan menjana pendapatan menerusi kaedah bekerja atas talian sebagai seorang '*digital freelancer*', yang memperoleh dan melaksanakan tugas-tugas kerja dari pasaran global sebagai sumber pendapatan. Kaedah ini boleh membuka peluang untuk:
 - Menjana pendapatan digital yang stabil dan konsisten melalui platform global, di mana sumber tugas dan pekerjaan adalah dari pasaran global.
 - Fleksibiliti untuk bekerja dari mana sahaja, tidak terikat dengan waktu pejabat dan memanfaatkan teknologi digital secara lebih produktif.
 - Bekerja dengan klien dan majikan antarabangsa dan memperoleh hasil pendapatan yang lebih tinggi.
10. Saya berminat untuk menjadi seorang '*freelancer*' tetapi saya tidak memenuhi syarat kelayakan untuk menyertai Program GLOW PEMULIH. Adakah terdapat program lain yang saya boleh sertai?

- Pihak MDEC juga terus melaksanakan Program Global Online Workforce (GLOW) sedia ada yang memberikan latihan untuk membolehkan individu memahami dan mengambil langkah-langkah untuk menjadi seorang 'freelancer'.
- Terdapat beberapa perbezaan di antara Program GLOW sedia ada dan GLOW PEMULIH. Perbezaan-perbezaan tersebut adalah seperti berikut:

	GLOW PEMULIH	GLOW (sedia ada)
1.	Syarat Kelayakan	
	<p>Syarat kelayakan adalah untuk individu yang terjejas oleh Pandemik Covid-19 seperti yang dinyatakan.</p> <p>Warganegara Malaysia berumur melebihi 21 tahun dan tidak melebihi 60 tahun semasa memohon.</p>	<p>Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas</p>
2.	Proses Penilaian dan Pemilihan Peserta	
	<p>Peserta wajib melalui proses penilaian dan pemilihan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Bahasa Inggeris • Penilaian Penguasaan ICT • Ujian Psikometri • Temuduga oleh Pelatih 	<p>Tiada proses penilaian yang diwajibkan. Peserta digalakkan untuk mengambil penilaian berikut untuk membantu mengenalpasti tahap kesiapan masing-masing:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Bahasa Inggeris • Penilaian Penguasaan ICT
3.	Pelaksanaan Program	
	<p>Program latihan intensif berdasarkan 'focused workstream' dan sesi bimbingan selama 6 bulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan interaktif bersama pelatih secara atas talian 	<p>Program latihan atas talian akan disusun mengikut 'focused workstream'.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan interaktif bersama pelatih secara atas talian • Sesi bimbingan komuniti (Community Coaching and

	<ul style="list-style-type: none">• Jumlah maksimum 15 peserta bagi setiap sesi bimbingan• Tugas praktikal yang akan dibimbing dan diselia oleh pelatih / 'digital freelancer' berpengalaman.• Khidmat sokongan dan bantuan atas talian (<i>online helpdesk</i>)	<i>Mentoring</i>) akan disusun dan dilaksanakan secara berkala
	Pemberian elaun latihan sebanyak RM500 dan insentif untuk membantu dalam proses memperolehi tugas dan pekerjaan yang boleh dituntut mengikut keperluan dan kelayakan berjumlah RM850.	Tiada elaun latihan dan insentif disediakan.

11. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Program GLOW PEMULIH dan Program GLOW sediada, anda boleh melayari portal kami di mdec.my/glowmalaysia.

MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)

Kemaskini 13 Julai 2021